

Headline	Wajah ayah berseri		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	20
ArticleSize	352 cm ²	Journalist	Hidayatul Akmal
PR Value	RM 41,442		



NUR Amalina (kanan) berterima kasih kepada semua yang membantu bapanya.

Wajah ayah berseri

■ Nur Amalina lega, hargai usaha semua pihak bantu bapa

Hidayatul Akmal Ahmad
hidayatulakmal@nstp.com.my

Kuala Lumpur

“Alhamdulillah, ahli keluarga tidak putus-putus melawat dan mungkin ayah dapat merasa kehadiran insan tersayang menyebabkan keadaan kesihatannya semakin baik.

“Buat masa ini, doktor membenarkan dua ahli keluarga saja melawat dalam satu masa kerana ayah masih dalam pemerhatian,” kata anak perempuan Sahrom Ahmad, 59, yang diserang angin ahmar ketika mahu menghadiri majlis graduasi anak perempuannya, Nur Amalina di London, United Kingdom (UK), Disember tahun lalu.

Nurul Aisyah, 24, berkata, wajah bapanya juga kelihatan semakin berseri-seri sejak kehadiran ahli keluarga tidak putus-putus melwatnya yang kini berada di Pusat Pe-

rubatan Subang Jaya (SJMC), Subang, Selangor.

“Saya bersyukur dan berharap ayah terus diberikan kesihatan yang baik dan segera sembuh,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Nur Amalina, 28, turut menzahirkan terima kasih kepada semua pihak terbabit dari segi sumbangan dan menguruskan kepulangan bapanya termasuk SJMC, Kedutaan Malaysia serta TNB Healthcare yang membiayai sepenuhnya kos rawatan berkenaan.

“Saya berterima kasih kepada pihak hospital di London kerana memberi kelonggaran menyelesaikan pembayaran secara berperingkat. Terima kasih kepada semua pihak termasuk rakyat Malaysia di dalam dan luar negara, SJMC, Kedutaan Malaysia termasuk TNB yang banyak membantu dari segi sumbangan dan urusan membawa pulang ayah.

“Rawatan ayah di SJMC juga di-biayai sepenuhnya TNB Healthcare,” katanya.

Sementara itu, Pakar Bedah Otak SJMC, Dr R Muruga Kumar berkata, pihaknya akan terus memantau serta fokus kepada rawatan buah pinggang Sahrom yang didapati gagal berfungsi dengan baik ketika ini.

“Kita pantau dan fokuskan kepada rawatan buah pinggang Sahrom yang didapati gagal berfungsi dengan baik ketika ini. Selepas rawatan selesai dan pastikan tiada jangkitan kuman, baru kita tumpukan kepada proses pemulihan strok dari tiga hingga empat bulan,” katanya.

Pada 12 Disember tahun lalu, Sahrom diserang angin ahmar sebaik tiba di UK untuk meraikan majlis graduasi anaknya.

Dia turut mengalami pendarahan otak dan menjalani pembedahan di Hospital Charing Cross, London untuk menyelamatkan nyawanya.

Selepas tiga minggu dirawat keadaannya semakin stabil dan pihak hospital membenarkan keluarga membawa Sahrom pulang ke Malaysia.